



Cambridge IGCSE™

CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--



MALAY

0546/23

Paper 2 Reading

May/June 2023

1 hour

You must answer on the question paper.

No additional materials are needed.

INSTRUCTIONS





- Answer **all** questions.
- Use a black or dark blue pen.
- Write your name, centre number and candidate number in the boxes at the top of the page.
- Write your answer to each question in the space provided.
- Do **not** use an erasable pen or correction fluid.
- Do **not** write on any bar codes.
- Dictionaries are **not** allowed.

INFORMATION

- The total mark for this paper is 45.
- The number of marks for each question or part question is shown in brackets [].

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

- 1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (**A–F**) di dalam kotak jawapan yang betul.

- (a) Nazmi bersenam supaya dia cergas.

[1]

- (b) Dia meminjam buku dari sini.

[1]

- (c) Nazmi sangat gemar melukis.

[1]

- (d) Dia makan tengah hari di sini

[1]

- (e) Nazmi gemar membuat ujian makmal.

[1]

[Jumlah: 5]

- 2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di Pusat Membeli-belah




Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (A–H) dalam kotak.

- | | | |
|--|--------------------------|-----|
| (a) Anda membayar untuk barang anda di sini. | <input type="checkbox"/> | [1] |
| (b) Anda mahu cuba baju yang anda mahu beli. | <input type="checkbox"/> | [1] |
| (c) Anda mahu cari sesuatu untuk bilik tamu. | <input type="checkbox"/> | [1] |
| (d) Anda boleh bertanya di sini kalau ada masalah. | <input type="checkbox"/> | [1] |
| (e) Anda mahu menonton filem dengan kawan. | <input type="checkbox"/> | [1] |

[Jumlah: 5]

- 3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.



- (a) Ida mendapat kucing sebagai hadiah ...

A hari raya.

B hari lahir.

C hari sukan.

[1]

- (b) Mawar ialah kucing ...

A kelabu.

B putih.

C coklat.

[1]

(c) Mawar suka di dalam rumah.

A makan

B berlari

C tidur

[1]

(d) Makanan yang Mawar suka ialah makanan ...

A yang segar.

B kering.

C dalam tin.

[1]

(e) Setiap enam bulan, Ida akan bawa Mawar ke ...

A tempat bercuti.

B rumah ibu saudaranya.

C ke klinik binatang.

[1]

(f) Ida mahu menyimpan wang untuk ...

A barang Mawar.

B makanan Mawar.

C tempat tidur Mawar.

[1]

(g) Ida akan dapat seekor lagi kucing kalau ...

A dia rajin belajar di sekolah.


B dia bela Mawar dengan baik.

C dia menolong ibu di rumah.

[1]

[Jumlah: 7]

- 4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.



- (a) Keluarga Adli berpindah ke mana?

[1]

(b) Apakah yang kelihatan dari rumah baharu Adli? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(c) Mengapakah Adli rasa lebih sihat sekarang?

..... [1]

(d) Mengapakah Adli memilih sekolah yang jauh dari rumahnya? Beri **satu** jawapan.

..... [1]

(e) Kawan-kawan baharu Adli dari luar negara datang ke Malaysia dengan siapa?

..... [1]

(f) Apakah tujuan Adli belajar memanah?

..... [1]

(g) Mengapakah Adli merasa seronok untuk keluar dari Kuala Lumpur?

..... [1]

(h) Apakah cadangan Adli kepada kawan-kawannya untuk berjumpa semula?

..... [1]

(i) Apakah yang Adli dan kawan-kawannya boleh lakukan bersama? Beri **satu** jawapan.

..... [1]

(j) Apakah yang bapa Adli buat dalam masa lapangnya?

..... [1]

(k) Mengapakah kakaknya Sarah memilih untuk menyambung pengajiannya di USM?

..... [1]

[Jumlah: 12]

- 5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).

Padangkan nama dengan tempat penginapan yang sesuai bagi mereka.

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.

Memilih tempat penginapan

a	 <p>SURI: Dengan keluarga yang besar; dua anak perempuan dan seorang anak lelaki, kami memerlukan kawasan yang luas di mana mereka boleh bermain. Sekurang-kurangnya empat bilik. Perabot tidak diperlukan.</p> <p>.....</p>
b	 <p>TIARA: Saya baru mendapat pekerjaan pertama dan memerlukan tempat tinggal yang selesa, lengkap dengan perabot. Bilik tidur kedua adalah penting untuk masa ibu bapa saya atau rakan-rakan melawat. Tidak suka kesibukan.</p> <p>.....</p>
c	 <p>ALEX: Sebagai seorang pelajar yang menggunakan kerusi roda, saya memerlukan penginapan di paras tanah. Saya perlu sebuah bilik luas yang mempunyai katil, meja belajar dan kemudahan lain. Saya ingin tinggal bersendirian.</p> <p>.....</p>
d	 <p>RAMZI: Sebagai seorang pelajar yang baru mencuba kehidupan di bandar, saya inginkan suasana mesra dengan rakan-rakan sebaya. Sedia berkongsi kemudahan lain asalkan saya boleh bawa katil sendiri.</p> <p>.....</p>
e	 <p>IMAN: Saya, suami dan anak kami suka bersenam. Tempat tinggal kami mesti ada kemudahan ini. Kediaman mestilah lengkap untuk kami terus masuk sahaja. Dengan adanya anak-anak, keselamatan diutamakan.</p> <p>.....</p>

- 1 Kondo Sri Melati: Apartmen dua bilik di tingkat 21. Selesa dan luas untuk keluarga kecil. Ada kolam renang dan gim. Lengkap dengan perabot. Selamat dengan adanya pengawal 24 jam sehari. Sewa RM3,400 sebulan. Di tengah pusat bandar.

- 2 Studio flat sesuai untuk orang bujang. Katil sofa disediakan yang boleh dijadikan tempat tidur pada waktu malam. Tidak perlu pergi jauh untuk membeli makanan. Penghuni blok ini ramai pelajar institusi pengajian tinggi. Unit ini tidak memerlukan tangga.

- 3 Rumah pangsa dua bilik untuk dikongsi bersama seorang guru wanita. Di kawasan yang sepi tetapi berdekatan dengan kedai-kedai makan. Lengkap dengan perabot. Wanita sahaja.

- 4 Banglo mewah di Taman Impian: Keselesaan untuk keluarga yang ingin menghiaskannya mengikut selera sendiri. Banglo dua tingkat; tiga bilik di atas dan dua bilik di bawah. Taman yang besar dan ceria dengan pelbagai pokok bunga.

- 5 Bilik selesa di rumah keluarga mesra. Kediaman di kawasan berhampiran pusat pendidikan, kedai-kedai dan medan selera. Anda perlu membeli katil, tilam dan meja tulis anda sendiri.

- 6 Rumah Teres Taman Setia: Ingin berkongsi kehidupan dengan sekumpulan pelajar yang mesra? Kami ada sebuah bilik kosong yang selesa di tingkat atas. Dapur besar, dua bilik mandi untuk enam orang. Sila hubungi kami!

- 7 Rumah banglo dua tingkat. Enam bilik tidur, dua ruang tetamu – semuanya lengkap dengan perabot. Di tengah-tengah pusat bandar, berhampiran dengan stesen LRT dan tapak pasar malam.

- 8 Rumah teres Taman Melur di pinggir desa. Dua bilik tidur sederhana besar, lengkap dengan perabot. Taman kecil cukup untuk mengambil angin. Jika anda inginkan ketenangan, kawasan ini jauh dari hiruk-pikuk bandar.

[Jumlah: 5]

- 6 Baca blog di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Sehari dua ini kenangan saya asyik kembali ke tempat saya membesar di pusat bandar Manchester, selama empat tahun. Waktu itu, bapa saya bekerja di salah sebuah agensi Malaysia di sana.

Kami sekeluarga memang suka keluar ke kawasan-kawasan pedalaman untuk memungut buah-buahan atau ke tepi laut. Kami sering pergi dengan kawan-kawan ibu bapa dan keluarga mereka. Saya suka kalau pergi bersama mereka sebab dapat berkawan dengan anak-anak mereka yang sebaya dengan saya.

Pada suatu musim panas, kami dan dua keluarga lain berkhemah di Devon - kawasan yang indah, sesuai untuk beriadah. Bapa menempah tapak perkhemahan untuk tiga keluarga berhampiran dengan sungai kerana kami suka memancing. Di situ juga ada bukit yang kami boleh daki.

Bahagian paling mencabar ialah mendirikan khemah. Pak Cik Amir dan Pak Cik Alan terpaksa menolong bapa mendirikan khemah kami. Apabila khemah runtuh ke atas mereka bertiga, saya dan anak-anak Pak Cik Amir tak dapat menahan ketawa!

Suhu sudah mulai turun dan terasa juga kesejukan. Saya dan Kamil menghidupkan api menggunakan kayu api yang kami beli. Dapat juga memanaskan badan. Kami juga dapat panggang ayam dan sosej yang ibu, Mak Cik Sally dan Mak Cik Siti sediakan. Kami duduk keliling unggun api sambil makan dan bersempang. Selepas itu, Pak Cik Alan memetik gitarnya; isyarat untuk bapa dan Pak Cik Amir untuk menyanyi. Tiada internet, tiada televisyen, namun kami sungguh seronok dengan hiburan sendiri.

Saya dan Kamil berkongsi sebuah khemah kecil. Kami tidak dapat lelap dan bersempang sehingga bapa saya melaung dari khemahnya menyuruh kami tidur. Katanya, kami perlu bangun awal dan mula berjalan ke puncak bukit untuk melihat pemandangan dari sana.

Memang berbaloi berjalan naik bukit itu. Pemandangan sungguh indah seperti gambar poskad – ladang-ladang lavender yang berwarna ungu berselang-seli dengan kehijauan rumput musim panas.

Saya rasa agak sedih meninggalkan tempat yang memberi peluang kepada kami untuk membuat aktiviti-aktiviti berkeluarga seperti melawat ladang haiwan ternakan, memancing dan berjalan sambil bersempang. Jadi, saya rakamkan masa kami di sini dalam video untuk disimpan sebagai memori.

- (a) Mengapakah penulis membesar di Manchester?

..... [1]

- (b) Kawasan desa dapat menawarkan apa kepada penduduk dari bandar? Beri **satu** jawapan.

..... [1]

(c) Mengapakah penulis lebih suka jika kawan-kawan ibu bapanya ikut serta ke luar bandar?

..... [1]

(d) Mengapakah tempat perkhemahan yang bapa penulis pilih itu sesuai untuk keluarga yang sukakan aktiviti luar? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(e) Apakah reaksi penulis dan kawan-kawannya apabila melihat khemah runtuh?

..... [1]

(f) Bagaimanakah mereka menggunakan unggun api pada malam itu? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(g) Bagaimanakah Pak Cik Amir tahu bila masanya untuk mula menyanyi?

..... [1]

(h) Ke manakah mereka pergi pada keesokan harinya?

..... [1]

(i) Bagaimanakah penulis menyimpan kenangannya di tempat perkhemahan itu?

..... [1]

[Jumlah: 11]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.